

Jumlah pelajar antarabangsa pascasiswazah di universiti awam Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

| | 2015 | 2016 | 2017 |
|--------------------------------------|-------|-------|-------|
| Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 2,663 | 2,428 | 2,428 |

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

| | 2015 | 2016 | 2017 |
|-------------------------------------|------|------|------|
| Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | 406 | 477 | 662 |

Universiti Putra Malaysia (UPM)

| | 2015 | 2016 | 2017 |
|---------------------------------|-------|-------|-------|
| Universiti Putra Malaysia (UPM) | 4,177 | 3,634 | 3,233 |

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

| | 2015 | 2016 | 2017 |
|--|------|------|------|
| Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) | 537 | 574 | 746 |

Antara kemudahan dan usaha universiti awam di Malaysia bagi menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa

- Yuran lebih murah
- Meletakkan kedudukan universiti pada tahap yang baik di peringkat global
- Menggalakkan prestasi akademik dan penyelidikan bertaraf antarabangsa
- Menawarkan kursus pengajian berdaya saing di pasaran kerja
- Menyediakan bidang pengajian berimpak tinggi kepada graduan
- Penginapan dan logistik pada tahap terbaik
- Aktiviti kampus yang menarik
- Sistem pembelajaran interaktif
- Tenaga pengajar berpengalaman luas



TARIKAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

⇒ Pencapaian di peringkat global menarik ribuan pelajar asing menimba ilmu di negara ini

Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Prestasi cemerlang universiti awam di Malaysia hingga tersenarai dalam kedudukan terbaik dunia, Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking dari aspek akademik dan penyelidikan menjadi faktor penarik pelajar antarabangsa menjadikan kakitangan negara ini untuk melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah.

Dek nama kukuh dan pencapaian baik universiti awam tempatan di peringkat global, ribuan pelajar antarabangsa saban tahun memilih menimba ilmu di negara ini, sekali gus meng-



Prof Dr Noraini Kaprawi

hampir matlamat Malaysia menjadi hab pendidikan tinggi se-rantau.

Pengarah Pejabat Antarabangsa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Dr Noraini Kaprawi, berkata berdasarkan rekod kemasukan pelajar, jumlah mahasiswa bagi pengajian pascasiswazah di universiti itu meningkat daripada seramai 537 orang pada 2015 kepada 574 orang (2016) dan 746 orang (2017).

Beliau berkata, UTHM sentiasa menjalankan usaha menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa, terutama dari negara kurang membangun melalui penetapan yuran pengajian pada kadar lebih rendah berbanding universiti lain.

V34/35

Ekosistem universiti lebih stabil dengan kemasukan pelajar antarabangsa

◀ Dari V33

Katanya, UTHM turut mempromosikan prestasi cemerlangnya di luar negara, menawarkan program Persediaan Bahasa Inggeris dan menyediakan program memiliki nilai tambah, terutama membabitkan bidang kejuruteraan serta pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). “Universiti ini juga memastikan kebijakan pelajar antarabangsa, seperti kemudahan penginapan dan logistik berada pada tahap terbaik, selain menyediakan aktiviti menarik bagi menambah pengalaman pelajar.

“Lokasi UTHM di Parit Raja, Johor, juga menjadi faktor pilihan kerana kos sara hidup yang rendah, persekitaran pembelajaran lebih selamat dan suasana tenang untuk pembelajaran,” katanya kepada Varsiti.

Suasana antarabangsa

Bagi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq Abdullah Orang Kaya Rahmat, biarpun bilangan kemasukan pelajar antarabangsa ke UKM menurun bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini, jumlah itu masih mewujudkan persekitaran pengantarabangsaan yang disasarkan.

Beliau berkata, penurunan

itu berpunca daripada kejatuhan nilai mata wang dan pererangan di beberapa negara Arab menyebabkan pelajar di sana tidak menyambung pengajian ke luar negara, selain pentadbiran Amerika Syarikat yang sebelum ini menggalakkan kemasukan pelajar asing ke negara terbabit.

“Bagi menambah jumlah pelajar antarabangsa pada tahun seterusnya di UKM, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk menggalakkan reputasi baik universiti di peringkat tempatan dan global serta menyediakan barisan profesor berpengalaman luas kerana untuk menarik pelajar antarabangsa,” katanya.

Berkongsi kepentingan pelajar antarabangsa kepada universiti, Prof Riza Atiq Abdullah berkata, kemasukan mereka bukan sahaja menjana kewangan kepada universiti dan menjadikan taraf universiti lebih baik, tetapi juga mewuj-

judkan suasana antarabangsa dalam kampus yang memberi manfaat kepada pelajar Malaysia untuk mendalami bahasa dan budaya serta memupuk sikap positif.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata kecermerlangan yang ditonjolkan menjadi penanda aras bagi menarik ramai pelajar antarabangsa untuk ‘terbuka hati’ melanjutkan pengajian peringkat pascasiswazah di UPM.

Promosi luar negara

Beliau berkata, selain daripada pengiktirafan universiti di peringkat antarabangsa, pelajar luar melihat rekod cemerlang pensyarah atau penyelia kursus pengajian sebagai indikator untuk memilih melanjutkan pelajaran ke universiti pilihan.

“Banyak usaha dijalankan universiti ini, termasuk

kolaborasi antarabangsa, memorandum persefahaman (MOU) dan memorandum perjanjian (MOA) dengan universiti terkemuka dunia. Pensyarah kami turut membuat promosi ke luar negara ketika menghadiri persidangan, penyelidikan, kolaborasi serta lawatan,” katanya.

Prof Aini berkata, prestasi baik universiti cukup penting supaya mampu menjadi bualan dalam kalangan pelajar dan graduan, terutama dari negara luar apabila berpusat hati dengan perkhidmatan ditawarkan universiti.

“Pelajar antarabangsa penting kepada persekitaran universiti kerana mereka membawa budaya pengantarabangsaan terhadap komuniti kampus, menjadi duta UPM di negara mereka dan membantu menonjolkan universiti ini, sekali gus menaikkan prestasi universiti di peringkat global,” katanya.



Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq Abdullah Orang Kaya Rahmat



Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris